



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Mencapai perpaduan di sebalik kepelbagaiannya bangsa, budaya dan agama adalah antara aspirasi seluruh rakyat negara ini.

Perpaduan masyarakat majmuk menjadi tunggak utama dalam usaha kerajaan merangka dasar hala tuju baru selepas Wawasan 2020, iaitu Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Perpaduan wujud apabila agama dan kaum tidak dipolitikkan. Keadaan itu akan menambah lagi perpecahan dalam kalangan rakyat seterusnya menggagalkan wawasan negara.

Singapura juga adalah sebuah negara berbilang bangsa dan budaya dengan 76.2 peratus adalah etnik Cina, Melayu (15 peratus) dan India (7.4 peratus).

Pusat Harmoni pupuk kefahaman Islam

Dalam usaha mewujudkan pemahaman lebih mendalam mengenai Islam dan umat Islam dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di republik berkenaan, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) mengambil langkah menubuhkan Pusat Harmoni (Harmony Centre).

Dirasmikan pada 7 Oktober 2006, Pusat Harmoni itu adalah kemuncak dalam usaha MUIS menjadi lebih telus memperkenalkan cara dan budaya Islam kepada warga Singapura.

Ia dapat dilihat menerusi program rumah terbuka masjid, program lawatan masjid dan kerjasama antara masjid dan akar umbi, pertubuhan kebangsaan dan komuniti.

Pada masa sama, Pusat Harmoni juga berfungsi sebagai hab bersepada untuk mempromosikan



PUSAT Harmoni jadi kemuncak dalam usaha MUIS menjadi lebih telus memperkenalkan cara dan budaya Islam kepada warga Singapura.

pemahaman dan pembabitan lebih meluas kepada semua kepercayaan dan agama.

Itu dapat dilakukan melalui program antara agama (*interfaith*) yang dijalankan pusat itu melalui tiga teras utama iaitu:

- Latihan membina keupayaan dalam dialog

dan pembabitan antara agama

- Pembelajaran bagi memperdalam pemahaman agama yang berbeza

- Membina hubungan dalam kalangan kumpulan pelbagai agama dan kepercayaan

Kekangan utama dalam pembinaan interaksi antara individu atau pertubuhan

orang Islam dengan bukan Islam ialah kerana wujudnya salah faham terhadap Islam.

Selain itu, ia bagi meningkatkan pembabitan antara agama di semua peringkat melalui seminar, bengkel, kajian pembelajaran serta lawatan.

Individu atau pertubuhan

bukan kerajaan di Malaysia boleh memainkan peranan seperti dilaksanakan Pusat Harmoni di Singapura ini.

Mereka boleh bertindak sebagai pemangkin bagi meningkatkan kefahaman Islam sebenar serta menjalin hubungan berterusan dalam kalangan masyarakat.

Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) berusaha memainkan peranan dalam memberikan impak besar kepada perpaduan nasional.

MACMA dilihat mampu menjadi jambatan yang menghubungkan antara komuniti Cina dengan komuniti Islam di Malaysia bagi memperkasakan masyarakat Cina Muslim.

Sehubungan itu, sebarang salah faham mengenai budaya agama yang timbul dalam masyarakat dapat ditangani melalui perkongsian mesej sebenar.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)